

# 15 keluarga jadi mangsa banjir

*Longgokan tanah, projek lebuh raya didakwa punca*

**NORAFIZA JAAFAR**

**RAWANG** - Sebanyak 15 keluarga menjadi mangsa banjir lumpur selepas rumah mereka dimasuki limpahan air sungai akibat hujan petang kelmarin.

Selain rumah penduduk, surau dan dewan kampung turut dimasuki air. Kereta milik seorang penduduk juga turut rosak selepas ditenggelami air.

Seorang penduduk, Mohd Syahmi Abdul Rahim, 37, kejadian itu adalah terburuk sepanjang dia tinggal di Jalan Sepakat, Batu 16.

Katanya, kejadian itu dipercayai berpunca projek longgokan tanah haram serta tarahan bukit untuk membina lebuh raya.

Menurutnya, setiap kali hujan, aliran air sungai akan membawa serpihan pasir dan ranting pokok.

"Paras air sungai dan laluan jalan di paras sama disebabkan mendapan pasir dan kejadian kelmarin menyebabkan aliran air melimpah ke halaman rumah penduduk.

"Sehingga pagi semalam, masih berlaku limpahan air sungai, sehingga tiga jentolak milik kontraktor tiba dan mengorek mendapan," katanya semalam.

Seorang lagi penduduk, Mohamad Noor Rajae, 54, berkata, pihaknya meminta Majlis Perbandaran Selayang (MPS) memantau aktiviti longgokan tanah haram dan memohon kontraktor memberhentikan sementara projek sehingga keadaan sungai stabil.

"Penduduk kampung pernah me-



**seorang penduduk membersihkan halaman rumahnya yang dilimpahi air banjir.**

minta projek lebuh raya itu tidak dilaksanakan kerana risau kesan bakal dihadapi dan kebimbangan itu benar-benar terjadi kelmarin," katanya.

Ahmad Hadzir Daud, 50, pula berkata, dia meminta supaya pampasan diberikan kepada penduduk terlibat terutamanya kepada pengguna paip sungai.

"Dalam tempoh setahun, tiga kali gelung paip yang menyambung air sungai ke rumah ditukar disebabkan masalah bocor, tersumbat dan pecah," katanya.

Sementara itu, Wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang ditemui memaklumkan surat makluman dan laporan kejadian akan dihantar kepada kontraktor untuk tindakan susulan.

"Biarpun, sungai terlibat di bawah tanggungjawab JPS namun disebab-

kan banjir lumpur berpunca daripada projek maka perlu diselesaikan oleh kontraktor.

"Bantuan segera dengan menghantar jentera untuk mengorek mendapan dibuat untuk melancarkan aliran air sungai semalam dan langkah susulan akan dibincangkan kemudian," katanya.

Adun Taman Templer, Datuk Seri Subahan Kamal yang turun padang meninjau lokasi dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga terlibat semalam meminta supaya pihak berkaitan mengadakan rundingan meja bulat bagi menyelesaikan permasalahan penduduk.

Hadir sama meninjau lokasi, Ahli Parlimen Selayang, William Leong; Adun Rawang, Gan Pei Nei dan Penyelaras Dun Taman Templer, Mohamad Abd Rahman.